

PERATURAN PERMAINAN PING PONG

1. PERATURAN TEKNIKAL

1.3 Undang - Undang Permainan

1.1.1 Pertandingan ini akan diputuskan mengikut Undang-Undang Persekutuan Ping Pong Antarabangsa (ITTF) dan terjemahan Persatuan Ping Pong Malaysia (TTAM) yang berkuatkuasa pada ketika ini.

1.4 Perkara Yang Tidak Dinyatakan

1.2.1 Rujuk Peraturan AM SUKIPT IV

2. PERATURAN PERTANDINGAN

2.1 Pertandingan akan dijalankan secara Individu.

2.1.1 Perseorangan Lelaki

2.1.2 Perseorangan Wanita

2.1.3 Bergu Lelaki

2.1.4 Bergu Wanita

2.1.5 Bergu Campuran

2.2 Pendaftaran pasukan/pemain

2.2.1 Bilangan pemin adalah seperti berikut ;

BILANGAN PEMAIN	LELAKI	WANITA
MINIMUM	6	6
MAKSIMUM	8	8

2.2.1.1 Setiap IPT dibenarkan mendaftar maksimum dua (2) penyertaan bagi setiap acara.

2.2.1.2 Setiap IPT boleh mendaftar 4 pemain (2 lelaki & 2 wanita) yang mengambil bahagian dalam acara perseorangan dan salah satu acara bergu.

2.2.1.3 Seorang pemain tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam dua acara bergu.

2.2.1.4 Sebarang pemain gantian **tidak dibenarkan** selepas Undian Rasmi dibuat.

- 2.2.1.5 Susun atur pemain di Borang Pendaftaran Pemain (*N Form*) hendaklah disusun mengikut *ranking* dalam pasukan masing-masing

2.3 Sistem Pertandingan

- 2.3.1 Sistem pertandingan akan dijalankan secara kalah mati (*Knock out*) bermula pusingan awal dan seterusnya.
- 2.3.2 Semua perlawanan akan dijalankan secara lima (5) permainan terbaik daripada lima (5) permainan (*best of five (5) games*) dengan kiraan 11 mata bagi setiap set mengikut ketentuan berikut :
- a) Setiap individu yang mendapat keputusan 3-2
 - b) Setiap individu yang mendapat keputusan 3-1
 - c) Setiap individu yang mendapat keputusan 3-0

2.4 Pakaian Pertandingan

- 2.4.1 Setiap pemain perlu memakai pakaian yang tertulis nama pasukan yang diwakili di bahagian belakang baju.
- 2.4.2 Bagi acara bergu, pemakaian baju pemain hendaklah sama darisegi warna dan corak.
- 2.4.3 Setiap pemain dilarang memakai baju yang sama warna dengan bola pertandingan.
- 2.4.4 Setiap pemenang perlu berpakaian sopan dan berkasut semasa Majlis Penyampaian Hadiah.

2.5 Alatan Pertandingan

- 2.5.1 Peralatan pertandingan yang diguna pakai semasa pertandingan adalah mengikut Undang-undang Permainan Ping Pong seperti yang telah ditetapkan oleh Persekutuan Ping Pong Antarabangsa (ITTF).
- 2.5.2 Para peserta hanya perlu membawa bad ping pong sendiri semasa kejohanan.
- 2.5.3 Tidak dibenarkan menggunakan **getah yang diubahsuai** dan sekiranya terdapat aduan pemain tersebut boleh disingkirkan daripada kejohanan.
- 2.5.4 Bola plastik saiz 40+ mm berwarna putih sahaja digunakan pada kejohanan ini.

2.6 Hadiah Dan Pemenang

2.6.1 Hadiah diberi hanya kepada Pemenang Pertama, Kedua dan Ketiga Bersama bagi semua acara.

2.6.2 Pemain yang kalah di peringkat Separuh Akhir dikira sebagai Pemenang Ketiga Bersama bagi semua acara.

2.7 Kelewatan Dan Ketidakhadiran

2.7.1 Setiap pemain perlu melaporkan diri di meja panggilan **5 minit** sebelum perlawanan bermula serta perlu membawa **kad akreditasi**.

2.7.2 Setiap pemain yang akan bermain untuk perlawanan seterusnya diberi masa rehat selama 10 minit.

2.7.3 Hanya **5 minit** sahaja akan diberi kepada setiap pemain yang lewat dan selepas itu, pihak lawannya akan diberi kemenangan percuma dengan kiraan 11 – 0, 11– 0, 11 – 0.

3. RINGKASAN PENYERTAAN

Bil	Acara Sukan	Jumlah Atlet Lelaki	Jumlah Atlet Wanita	Pegawai	Jumlah Keseluruhan
1	Maksima	8	8	2	18
2	Minima	6	6	2	16

*Sekiranya IPT mendaftar 2 peserta lelaki dan 2 peserta wanita mengambil bahagian dalam 2 acara iaitu perseorangan dan salah satu acara bergu, penyertaan pasukan akan menjadi jumlah minima iaitu 6 lelaki dan 6 wanita.